

IPT terbaik Asia Barat

JUST jadi pilihan pelajar Malaysia lanjut pelajaran

Berita Harian 8-14 Julai 2010 M/S 6

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

MENJADI universiti pilihan pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2008, Nik Nur Madihah Nik Kamal dan destinasi penghantaran pelajar program perubatan Mara menjadikan Jordan University Science of Technology (JUST) tidak lagi asing di kalangan pelajar Malaysia.

Muncul antara institusi pengajian tinggi terbaik di Asia Barat, tidak hairanlah ia terus menjadi pilihan pelajar Malaysia saban tahun untuk meneruskan pengajian dalam pelbagai bidang pengajian ditawarkan khususnya perubatan.

Memfokuskan penawaran program perubatan, pergigian, kejururawatan, kejuruteraan, pertanian, perubatan veterinar, sains komputer dan sains semula jadi, JUST juga tersenarai dalam kedudukan universiti penyelidikan terbaik di Jordan dan kelompok IPT dunia Islam terbaik berdasarkan kajian *Ankara-based Statistical, Economic and Social Research and Training Center for Islamic Countries*.

Pencapaian itu bersandar pada kualiti tinggi program ditawarkan, selain kekuatan rangkaian kerjasama yang menjurus kepada perkongsian kepakaran akademik mahupun penyelidikan dengan pelbagai universiti dunia termasuk Malaysia.

Kewujudan pusat kajian



SEBAHAGIAN pelajar Malaysia di Jordan University Science Of Technology.

saintifik dan kecemerlangan menjadi titik tolak kepada kecemerlangan penyelidikan menerusi Pusat Kajian Sains Alam Sekitar dan Teknologi Queen Rania Al-Abdullah, Pusat Kajian Bioteknologi Princess Haya, Pusat Kajian Farmaseutikal, Pusat Kesihatan Veterinar, Pergigian dan Pusat Perkembangan Akademik.

Dana penyelidikan dari-

pada pelbagai sumber turut membantu universiti itu membiayai projek penyelidikan termasuk menghantar pensyarahnya menyambung pengajian peringkat lebih tinggi di universiti terkemuka dunia. Malah, setiap tahun dianggarkan lebih 200 projek penyelidikan dijalankan universiti itu.

Jaminan kualiti turut menjadi fokus pengurusan

tertinggi universiti dengan penubuhan *JUST Quality Assurance Office* bagi memastikan kelestarian kualiti program mahupun pentadbiran.

Pengambilan pelajar diberi penekanan bagi memenuhi visi untuk meningkatkan standard pengajian tinggi di Jordan sejajar dengan polisi pendidikan kebangsaan untuk mencapai

wawasan menjadi universiti penyelidikan antarabangsa menjelang 2012.

Sehingga kini, JUST mempunyai 18,850 siswazah berbanding 2,300 pada 1989 dan setiap tahun lebih 3,000 pelajar pascaijazah diambil.

Berperanan penting dalam memacu ekonomi Jordan, JUST turut memberi penekanan terhadap keperluan sumbangan kepada komuniti bagi memenuhi tanggungjawab sosial melalui penyelidikan berteraskan teori dan praktikal berserta tradisi saintifik serta inovasi akademik untuk memberikan kebaikan kepada masyarakat.

Mengimbu sejarah JUST, penubuhan universiti itu adalah sebahagian daripada Yarmouk University, Irbid

INFO

JORDAN UNIVERSITY
SCIENCE OF
TECHNOLOGY

- Tersenarai antara IPT Islam terbaik dunia
- Sasaran menjadi universiti penyelidikan antarabangsa menjelang 2012
- Jaminan kualiti universiti dikawal selia JUST Quality Assurance Office
- Lebih 200 projek penyelidikan dijalankan setiap tahun
- Kampus JUST terletak di bandar Ramtha

pada 1 September 1986 dengan hanya lima fakulti iaitu perubatan, pergigian, farmasi, kejururawatan dan kejuruteraan.

Kini berkembang sepuluh fakulti, kampus JUST yang terletak di bandar Ramtha dibina dengan reka bentuk seni bina moden selain persekitaran kondusif dan menghijau.



PEMANDANGAN kampus induk Jordan University Science Of Technology pada waktu malam.

Pelajar UTeM hadiri seminar integrasi budaya Malaysia, Indonesia

Oleh S Hareshwara Ruban
bhvarsiti@bharian.com.my

SERAMAI 39 pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menghadiri Seminar Antarabangsa Wacana Budaya dan Integrasi Antara Malaysia dan Indonesia di Universitas Sumatera Utara (USU), Medan, Indonesia, baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar (Hepa), Zainudin Ahmad, berkata lawatan dan seminar yang dianjurkan itu bertujuan meningkatkan hubungan dua hala UTeM dan USU.

"Program ini menjadi perintis kepada kedua-dua universiti bekerjasama termasuk dalam bidang kesenian atau pertukaran budaya pada masa depan. Ia bukan saja mampu meningkatkan semangat kejiwaan malah menjadi wadah kedua-dua negara mengenali dan



ZAINUDDIN (kanan sekali) bersama pelajar UTeM di Danau Toba, Medan ketika membuat lawatan sempena Seminar Wacana Budaya dan Integrasi antara Malaysia dan Indonesia, baru-baru ini.

mempelajari hubungan etnik dalam skop kebudayaan yang lebih harmoni," katanya.

Dalam seminar berkenaan,

pensyarah kedua-dua universiti membentangkan kertas kerja mengenai budaya Malaysia dan Indonesia yang cukup ber-

makna kepada pelajar yang ingin mengetahui budaya dan integrasi masyarakat kedua-dua negara.

“Program ini menjadi perintis kepada kedua-dua universiti bekerjasama termasuk dalam bidang kesenian atau pertukaran budaya di masa akan datang”

Zainudin Ahmad
Timbalan Pendaftar
Hal Ehwal Pelajar,
UTeM

Pensyarah Hubungan Etnik UTeM, Prof Madya Dr Raja Roslan Raja Abd Rahman, turut membentangkan kertas kerja bertajuk *Hubungan Etnik Dalam Konteks 1Malaysia* yang memberikan tumpuan kepada konsep perpaduan rakyat Malaysia.

Pembentangan kertas kerja itu mendapat reaksi baik apabila pensyarah dan pelajar USU meminta pelbagai pen-

jelasan mengenai Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Situasi itu jelas menghidupkan suasana seminar berkenaan dan membuktikan gagasan itu sememangnya menjadi tumpuan serta menarik perhatian bukan saja di kalangan rakyat tempatan, malah turut mencuri perhatian rakyat negara jiran.

Melalui program itu, usaha menganalisis hubungan kait antara kepelbagaian budaya, masyarakat serta kumpulan etnik antara Malaysia dan juga Indonesia dapat dilakukan dengan lebih teratur selain peserta boleh berdiskusi lebih selesa dan sistematik.

Selain itu, pelajar turut berpeluang melawat ke Danau Toba, Medan dan menyaksikan sendiri demonstrasi kebudayaan dan penghasilan pelbagai kraftangan unik penduduk setempat.